

# Jawatan penasihat tidak bergaji

LANGKAWI 17 Jun - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata jawatan beliau sebagai Penasihat Petronas, Proton, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Tioman adalah jawatan tidak bergaji.

Beliau berkata, apa yang diperolehi ketika ini adalah bayaran pencen sebagai Perdana Menteri, jawatan yang dipegangnya selama lebih 22 tahun.

"Saya ingin menerangkan yang saya tidak dapat satu sen pun dengan menjadi Penasihat Petronas, Proton, Lada dan (Lembaga Pembangunan) Tioman. Apa yang saya dapat hanyalah pejabat seperti yang disediakan oleh Petronas," katanya pada majlis perasmian Dialog 2010 di Langkawi Lagoon Resort di sini. — Bernama